



FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 2 – SESSION 2018 / 2019
PROGRAM KERJASAMA PPK

COURSE CODE : UHAD / UHAS 3052
KOD KURSUS

COURSE NAME : SELF DEVELOPMENT
NAMA KURSUS PERKEMBANGAN KENDIRI

YEAR / PROGRAMME : YEAR TREE
TAHUN / PROGRAM TAHUN TIGA

DURATION : 2 HOURS
TEMPOH

DATE : APRIL 2019
TARIKH

INSTRUCTION/ARAHAN :

PART A : BAHAGIAN A:

- i) Answer **ALL** questions in the **OMR** form provided
Jawab SEMUA soalan di dalam borang OMR yang disediakan

PART B : BAHAGIAN B:

- ii) Answer **ALL** questions in the answer **booklet(s)** provided.
Jawab SEMUA soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.

(You are required to write your name and your lecturer's name on your answer booklet)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada buku jawapan)

STUDENT'S NAME / NAMA PELAJAR	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / PROGRAMME TAHUN / PROGRAM	:
STUDENT SECTION SEKSYEN PELAJAR	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of ..12... pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi .12. muka surat termasuk kulit hadapan



PUSAT PROGRAM KERJASAMA

**PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK
ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK**

1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan maklumat yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
- 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tata tertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadangkan untuk diambil tindakan tata tertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

BAHAGIAN A: (40 Markah)

Jawab **semua** soalan di dalam borang **OMR** yang disediakan.

1. Ilmu psikologi sosial secara dasarnya berbincang tentang hal yang berkaitan perkara berikut:
 - A. Kajian ke atas sosiologi manusia.
 - B. Kajian tentang sifat dan jangka hayat diri seseorang.
 - C. Kajian ke atas jiwa, minda dan semangat manusia.
 - D. Kajian mengenai latar belakang evolusi pertembungan budaya dan sastera.

2. Menurut teori X, persepsi ialah kombinasi antara sensasi atau naluri dalaman dengan rangsangan gerak balas terhadap pengalaman di dalam diri seseorang. Teori X merujuk kepada teori:
 - A. Gestalt
 - B. Kognitif
 - C. Peneguhan
 - D. Field

3. Siapakah tokoh utama yang terlibat dalam perkembangan Teori Pertukaran Sosial?
 - A. Kurt Lewin
 - B. Robert Lee
 - C. William James dan John Dewey
 - D. John W. Thibaut

4. Egosentrisme remaja merujuk kepada pernyataan berikut, **kecuali**:
 - A. Remaja sering mengubahsuaikan persepsi tentang kebenaran alam.
 - B. Sifat egosentrisme remaja sama dengan apa yang ada pada kanak-kanak di tahap pra-operasi.
 - C. Remaja sering merasakan perhatian umum sentiasa tertumpu kepada mereka.
 - D. Remaja selalu memikirkan masalah mereka adalah unik dan tidak pernah dialami oleh orang lain.

5. Menurut Carl Rogers, konsep sendiri merujuk kepada:
- A. Sebagai “saya atau aku” yang meliputi tubuh badan, pemikiran, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya.
 - B. Suatu organisasi makna peribadi bagi seseorang individu yang unik dan dinamik lahir daripada interaksinya dengan persekitaran.
 - C. Gambaran pendapat yang diperkatakan oleh orang lain terhadap individu itu.
 - D. Pengalaman dan pandangan subjektif manusia terhadap fenomena alam.
6. Berikut adalah pernyataan yang **benar** tentang “Kesan Pigmalion” **kecuali**:
- A. Kecenderungan yang membenarkan komunikasi orang lain mempengaruhi tingkah laku kita.
 - B. Berasal dari cerita lagenda Greek tentang Raja Pigmalion dari Cyprus.
 - C. Berkaitan dengan kisah dongeng, dimana Raja mengukir seorang wanita cantik yang cukup sempurna dan jatuh cinta dengan ciptaanya.
 - D. Penilaian terhadap diri amat penting kerana tiada penilaian lain yang lebih bermakna selain penilaian diri.
7. Padankan contoh dibawah bagi menerangkan perspektif multi-dimensi:
- “Seorang remaja yang obese dapat mengambil bahagian dalam sebarang acara sukan di sekolahnya”.*
- A. Perspektif fizikal
 - B. Perspektif kognitif
 - C. Perspektif sosial
 - D. Perspektif emosi
8. Ia merupakan satu bidang ilmu yang cuba memahami dan menerangkan bagaimana fikiran, perasaan dan tingkahlaku individu yang dipengaruhi oleh jangkauan, khayalan atau kehadiran orang lain bersamanya. Pernyataan ini merujuk kepada:
- A. Biologi badan manusia
 - B. Kecerdasan minda
 - C. Kecerdasan emosi
 - D. Psikologi sosial

9. Pernyataan di bawah merupakan proses perkembangan sepanjang hayat menerusi:

- Komunikasi di antara ibu bapa sangat membantu dalam penyesuaian perhubungan.
- Kanak-kanak matang secara seksual.
- Mahukan kebebasan.

- A. Peringkat penghujung remaja
- B. Peringkat awal remaja
- C. Peringkat awal dewasa
- D. Peringkat pertengahan dewasa

10. Pilih pernyataan yang **salah** berkaitan dengan pertumbuhan biologi remaja.

- A. Baligh bermula dengan penghasilan hormon gonadotropik oleh kelenjar pituitari.
- B. Testeron menghasilkan sperma kepada lelaki.
- C. Progesteron menyebabkan berlakunya haid kepada wanita.
- D. Perubahan yang berlaku kepada lelaki disebabkan oleh hormon estrogen.

11. Faktor-faktor yang mempengaruhi Harga Kendiri adalah seperti berikut **kecuali**:

- I. Hubungan dengan ibu bapa
- II. Pemberian nama kepada anak-anak
- III. Kemurungan
- IV. Keletihan

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III sahaja
- D. III dan IV

12. Menurut Erikson, tahap "*menjana berlawanan dengan tetap*" berlaku apabila:

- A. Orang dewasa memikirkan soal dirinya, keluarganya dan masyarakat lain.
- B. Remaja mula menjadikan ibu bapa mereka sebagai model dalam kehidupan mereka.
- C. Orang dewasa mula mengumpul kekuatan, semangat dan kekecewaan terhadap apa yang berlaku sebelum ini.
- D. Remaja meneroka dan menguji idea baru mereka.

13. Pernyataan di bawah merujuk kepada:

"Konsep ini menekankan kepada kepentingan faktor baka dan pengaruh persekitaran dalam membentuk perkembangan manusia"

- A. Perspektif perbezaan budaya
- B. Perspektif herediti dan persekitaran
- C. Perspektif kepelbagaian
- D. Perspektif pengaruh respirokak

14. Perspektif Pengaruh Respirokak bermaksud:

- A. Manusia mengalami kepelbagaian dalam pertumbuhan dan perkembangan di sepanjang hayatnya.
- B. Penyerapan pengalaman baru ke dalam pengalaman yang sedia ada.
- C. Tindak balas dua hala melihat bagaimana saling tindak antara individu boleh mempengaruhi perkembangan seseorang.
- D. Manusia dijangka boleh mengalami perubahan atau kekal dalam pelbagai aspek perkembangan hidupnya.

15. Konsep sendiri terbentuk menerusi perkara-perkara berikut **kecuali**:

- A. Interaksi dengan individu lain dalam keluarga
- B. Interaksi dengan individu lain di persekitaran
- C. Interaksi dalam kumpulan yang disertai peranan yang diterima
- D. Penerimaan yang positif yang dipelajari

Untuk soalan 16 hingga 17, padankan pernyataan di bawah dengan jawapan berikut:

- A. Kendiri ideal
- B. Identiti sosial
- C. Penghargaan diri
- D. Kendiri diamati

16. Bentuk persepsi atau konsep sendiri yang boleh dan diamatkan kepada individu, terdiri daripada trait, kecekapan dan nilai individu.

17. Merujuk kepada satu ciri, kecekapan dan nilai yang ingin dimiliki oleh seseorang individu.

Untuk soalan 18 hingga 20, padankan pernyataan di bawah dengan jawapan berikut:

- A. Kawalan dalaman
 - B. Psikologi sosial
 - C. Tanggapan motivasi
 - D. Kawalan luaran
18. Kemahiran, kebolehan, pengalaman dan potensi semulajadi.
19. Suatu ilmu tentang tingkah laku manusia.
20. Keinginan untuk mendapatkan ganjaran sosial dan material.
21. Jam sosial orang dewasa merujuk kepada:
- A. Kemampuan individu melihat di luar diri individu tersebut
 - B. Anggaran susunan peristiwa yang berlaku dalam hidup seseorang dewasa
 - C. Pelan asas pembentukan manusia
 - D. Pembentukan personaliti individu dari zaman kanak-kanak sehingga dewasa
22. Berikut adalah kenyataan yang benar tentang perkembangan fizikal dan kesihatan orang dewasa **kecuali**:
- A. Punca utama kematian adalah kemalangan jalan raya
 - B. Obesiti
 - C. Kesunyian
 - D. Aktif dari segi fizikal
23. Peristiwa-peristiwa yang melibatkan jam sosial **kecuali**:
- A. Mencari pasangan hidup
 - B. Bercinta dan berkahwin
 - C. Menjalani ujian ketenteraan
 - D. Masa anak-anak meninggalkan rumah

24. Teori pembelajaran sosial menegaskan personaliti manusia terbentuk hasil daripada:
- A. Pemerhatian dan peniruan tingkah laku orang lain
 - B. Pengaruh persekitaran
 - C. Potensi manusia ke arah sendiri dan kebebasan memilih
 - D. Pemikiran yang berlaku dalam kerangka mental yang berbeza
25. Persoalan yang diutarakan oleh manusia bila dia tidak dapat menerima hakikat kematian:
- A. Apakah tujuan hidupku ini?
 - B. Mengapa ini mesti berlaku pada aku?
 - C. Siapakah saya?
 - D. Apakah yang telah aku lakukan yang telah memberi makna pada hidupku ini?
26. Berikut merupakan isu-isu permasalahan berkaitan dengan remaja **kecuali**:
- A. Menitikberatkan hubungan dengan rakan sebaya
 - B. Keinginan untuk mendapatkan kebebasan hidup
 - C. Menolak kuasa autoriti ibu bapa demi menjaga hubungan dengan rakan sebaya
 - D. Konflik intimasi dan pemencilan diri
27. Perkembangan moral bagi pertengahan dewasa ialah:
- A. Mula memberikan tumpuan kepada ibadat dan ilmu agama dan lebih berfikiran positif terhadap kehidupan
 - B. Mementingkan pengalaman dan emosi
 - C. Berlakunya konflik dalam rumahtangga
 - D. Mencuba sedaya upaya setelah menerima kegagalan
28. Remaja melalui peringkat perkembangan kognitif untuk mematangkan diri. Pilih kenyataan yang **tepat** mengenai perkembangan kognitif remaja.
- A. Membolehkan remaja mempelajari tatabahasa yang kompleks, konsep-konsep matematik dan mengendalikan tugas dengan menggunakan fikiran
 - B. Keinginan untuk menjalin hubungan dengan rakan berlainan jantina
 - C. Mula mendapatkan kebebasan hidup
 - D. Mengalami krisis identiti

29. Apakah cabaran utama yang akan dihadapi oleh remaja?

- A. Memikirkan pandangan orang lain tentang dirinya dan sering bertukar pendirian
- B. Mencari dan menentukan identiti diri serta peranan yang harus dimainkan
- C. Mengalami pelbagai jenis kerumitan dan masalah hidup
- D. Ingin mencari kebebasan dalam kehidupan

30. "Kedewasaan sering dikaitkan dengan kebolehan untuk bertanggungjawab dan mempunyai kebolehan mencintai dan bekerja"

Pernyataan di atas telah dikemukakan oleh:

- A. Salvin (1997)
- B. Mc Auely (1988)
- C. Knowles (1986)
- D. Charles Darwin

31. Berikut adalah faktor-faktor kepanjangan umur:

- I Baka
- II Sifat peribadi
- III Kesenangan hidup
- IV Makanan

- A. I, II dan III sahaja
- B. II dan III sahaja
- C. III & IV sahaja
- D. I, II, III dan IV

32. Berikut adalah benar mengenai krisis pertengahan umur **kecuali**:

- A. Tidak mampu untuk mengekal hubungan intimasi
- B. Sedar yang selama kehidupan ini mereka belum lagi mencapai sesuatu yang berharga dalam diri mereka
- C. Berlaku pada usia 35 hingga 45 tahun
- D. Melakukan kerja-kerja sukarela untuk mengisi kekosongan

33. Perkara-perkara yang dialami pada peringkat moral apabila memasuki peringkat tua ialah:
- A. Menghabiskan masa berbual dengan kawan-kawan
 - B. Sering menyumbangkan tenaga
 - C. Berfikir dahulu sebelum bertindak
 - D. Melakukan haji dan umrah
34. Isu-isu yang berkaitan dengan perkembangan awal dewasa **kecuali**:
- A. Konflik intimasi dan pemencilan diri
 - B. Kematian dan putus harapan
 - C. Perpisahan dan penceraian
 - D. Krisis identiti
35. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai peringkat awal dewasa:
- I. Kebolehan seseorang itu hidup berkeluarga dan bertanggungjawab terhadap keluarga
 - II. Menghadapi masalah pergolakan peribadi terhadap tanggungjawab
 - III. Mula menginsafi segala perbuatan pada masa lampau dan cuba memperbaikinya
 - IV. Mendapatkan perkerjaan untuk mengejar cita-cita yang menjadi idaman mereka
- A. I, II dan III sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. I, II & IV sahaja
 - D. III dan IV
36. Sikap terbahagi kepada komponen berikut, **kecuali**:
- A. Tingkah Laku
 - B. Afektif
 - C. Kolektif
 - D. Kognitif

37. Sikap boleh bertindak skemata iaitu:

- A. Menstrukturkan dunia persekitaran agar dunia persekitaran dapat difahami
- B. Mengubah dunia persekitaran agar dunia persekitaran dapat dimanipulasi
- C. Mengganti dunia persekitaran agar dunia persekitaran dapat dikuasai
- D. Menjadikan dunia persekitaran bebas daripada anasir luar

38. _____ adalah proses asas yang terlibat dalam perubahan sikap. Berlaku apabila terdapat individu yang sanggup menerima sikap baru kerana ganjaran intrinsik yang bakal diterimanya selari dengan nilainya.

- A. Justifikasi
- B. Kepatuhan
- C. Identifikasi
- D. Pembatinaan

39. Faktor penyebab berlakunya Tingkahlaku Prosocial adalah seperti berikut **kecuali**:

- A. Faktor Sosiobiologi
- B. Faktor Sosialisasi
- C. Faktor Situasi
- D. Faktor Komunikasi

40. Norma sosial juga dapat mendorong seseorang untuk bertingkahlaku prososial. Terdapat 2 jenis norma iaitu:

- A. Norma tanggungjawab sosial / norma resiprositi
- B. Norma respirotari / norma sosial
- C. Norma tanggungjawab / norma resentralisasi
- D. Norma resiprositi / norma rujukan

BAHAGIAN B: (20 Markah)

Jawab **semua** soalan di dalam **buku jawapan** yang disediakan.

1. Jawab **Semua** soalan dan terangkan secara ringkas konsep-konsep berikut :
 - a. Psikologi (2 Markah)
 - b. Kovarian (2 Markah)
 - c. Harga Diri (2 Markah)
 - d. Konsep Kendiri Positif (2 Markah)
 - e. Prasangka (2 Markah)
2. Lukiskan gambaran Tingkap Johari. (2 Markah)
3. Bincangkan **empat (4)** mekanisme helah bela diri. (4 Markah)
4. Berikan **empat (4)** contoh istilah-istilah yang terdapat dalam Persembahan Kendiri. (4 Markah)

~~SOALAN TAMAT~~
Selamat berjaya

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]